



MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)

SULIT

5226/2

MODUL SOALAN BERFOKUS SPM 2018

ANJURAN MPSM CAWANGAN PULAU PINANG

DENGAN KERJASAMA

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK

JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

NAMA SUBJEK : TASAWWUR ISLAM

KOD MP : 5226/2

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

NAMA:.....

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--

BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI **6** MUKA SURAT TERMASUK KULIT

[100 markah]

*Jawab lima soalan sahaja**Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana empat soalan yang lain.*

1. (a) i. Nyatakan pengertian Uluhiyyah. [2 markah]
 ii. Jelaskan **dua** konsep Uluhiyyah [4 markah]
- (b) i. Terangkan **dua** tanggungjawab manusia kepada Allah SWT. [4 markah]
 ii. Setiap insan diamanahkan untuk mentadbir dan memakmurkan bumi. Nyatakan **dua** sebab mengapa manusia perlu memikul tanggungjawab sebagai khalifah. [4 markah]
- (c) Alam semesta yang penuh keindahan merupakan anugerah dan kebesaran Allah SWT. Jelaskan **dua** tanggungjawab insan terhadap alam. [4 markah]
- (d) Nyatakan **dua** bentuk pemikiran yang menepati syarak. [2 markah]

2. (a)



Pemberian sedekah adalah amalan yang terpuji.

Berdasarkan gambar di atas, nyatakan **dua** cara untuk memiliki sifat Rabbaniyah.

[4 markah]

- (b) Islam diturunkan bertujuan untuk menjamin kesejahteraan hidup manusia.
- i. Terangkan **dua** cara untuk mewujudkan kesejahteraan dan keamanan dalam kehidupan manusia. [4 markah]
- ii. Islam agama yang menjamin hak asasi manusia. Senaraikan **empat** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam [4 markah]



Perbuatan membuli adalah dilarang oleh syariat Islam.

- (c) Berdasarkan gambar di atas, apakah langkah yang perlu diambil bagi menangani permasalahan ini. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** contoh Syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]
3. (a) Nyatakan **dua** ciri sistem sosial Islam. [2 markah]
- (b) Anda bercita-cita untuk menjawat jawatan sebagai hakim syar'ie. Senaraikan **empat** kriteria yang perlu anda miliki bagi memastikan hasrat itu tercapai. [4 markah]
- (c) Sistem Syura merupakan suatu bentuk pemerintahan yang dituntut oleh Islam. Jelaskan **dua** kelebihan Sistem Syura. [4 markah]
- (d) Terangkan **tiga** hak anda sebagai rakyat dalam negara demokrasi. [6 markah]
- (e)
- Islam melarang umatnya bekerjasama dalam urusan yang membawa kepada dosa.
- Jelaskan cara untuk mencegah masyarakat daripada terlibat dengan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. [4 markah]
4. (a) i. Apakah maksud harta? [2 markah]
- ii. Nyatakan jenis-jenis harta. [2 markah]
- (b) i. Jelaskan **dua** ciri perkerjaan yang digalakkan oleh Islam. [4 markah]

ii.

Peratus	Umur Pengangguran
14.2 %	15 – 19 tahun
9.7 %	20 – 24 tahun
3.4 %	25 – 29 tahun
1.4 %	30 – 34 tahun
1.1 %	35 – 39 tahun
1 %	40 – 44 tahun

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Tahun 2014)

Berdasarkan jadual di atas, nyatakan **dua** langkah untuk mengatasi masalah pengangguran. [4 markah]

(c) Senaraikan contoh bersesuaian bagi muamalah berikut :-

- i. Muamalah yang mengandungi unsur-unsur penipuan.
- ii. Muamalah yang mengandungi unsur-unsur perjudian.
- iii. Muamalah yang mengandungi unsur-unsur penindasan.
- iv. Muamalah yang mengandungi unsur-unsur barangan yang tidak suci dan bernajis. [4 markah]

(d) Konsep al-Ta'awun (bekerjasama) terdapat dalam sistem muamalah Islam seperti jual beli, sewaan dan gadaian.

Buktikan bagaimana konsep al-Ta'awun terdapat dalam jual beli. [4 markah]

5. (a) Terangkan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan perundangan ciptaan manusia. [4 markah](b) Nyatakan **dua** bukti perundangan Islam memelihara nyawa manusia. [4 markah]

(c) Nyatakan kesalahan bagi hukuman berikut :-

- i. Direjam sampai mati.
- ii. Disebat empat puluh kali.
- iii. Dipotong pergelangan tangan.
- iv. Hukum bunuh setelah disuruh bertaubat. [4 markah]

(d) Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum haram.

[4 markah]

(e)



Contoh-contoh ibadat sunat.

Melakukan ibadat-ibadat sunat akan melahirkan pelajar yang memiliki peribadi mukmin yang cemerlang.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

6. Statistik status kemiskinan Nasional sehingga 31 Disember 2017.

Negeri	Status Kemiskinan Tegar	Jumlah
Johor	201	23,751
Kedah	1853	32,290
Kelantan	8279	92,171
Pahang	1471	22,544
Sabah	23,823	76,109
Sarawak	20,011	118,266

(Sumber berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia)

(a) Berdasarkan statistik di atas, terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan.

[4 markah]

- (b) Setiap masalah perlu diselesaikan secara Islam.
- i. Jelaskan **dua** langkah penyelesaian masalah secara Islam. [4 markah]
 - ii. Senaraikan **dua** perlakuan dalam penyelesaian masalah secara Islam. [2 markah]

(c)

Remaja Islam yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah semakin meningkat dan perkara ini menjadi kebimbangan kepada semua pihak. Kerajaan telah memperuntukkan kewangan yang besar bagi menangani gejala ini.

Pada pendapat anda, apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya remaja Islam yang terlibat dengan najis dadah semakin meningkat? [4 markah]

- (d) Perpaduan merupakan aset penting dalam memajukan negara. Jelaskan **tiga** kesan sekiranya rakyat tidak bersatu padu dan hidup dalam persengketaan. [6 markah]

7. (a) Terangkan **tiga** cara menguruskan harta menurut Islam. [6 markah]

- (b) Jelaskan pengertian bagi istilah berikut:-

- i. Manipulasi
- ii. Monopoli
- iii. Rasuah [6 markah]

(c)

1,803 remaja, kanak-kanak hilang tahun lalu

15 NOVEMBER 2017

KUALA LUMPUR - Sejumlah 1,803 kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun dilaporkan hilang tahun lepas, dengan sebanyak 979 orang daripadanya telah dijumpai semula manakala 824 orang masih lagi hilang, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

(Sumber : Sinar Online)

- i. Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah kes ini berlaku? [2 markah]
- ii. Nyatakan **dua** cara mengatasi masalah ini daripada berlaku. [2 markah]
- iii. Rakan anda mengambil keputusan untuk lari daripada rumah kerana tidak berpuashati dengan ibu bapanya. Apakah tindakan anda untuk mencegah beliau daripada bertindak sedemikian. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT